

05 JUL 2003

MALAYSIA-JEPUN/I

CEP MALAYSIA-JEPUN KUMPUL KUMPULAN KAJI SELIDIK BERSAMA

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI, 5 Julai (Bernama) -- Mesyuarat kedua Perkongsian Ekonomi Rapat (CEP) antara Malaysia dan Jepun di sini, hari ini bersetuju untuk terus mara ke peringkat proses seterusnya dengan mengumpulkan kumpulan mengkaji bersama dengan penyertaan wakil swasta dan ahli akademik.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Fuzi Abdul Razak, berkata kumpulan itu akan bertemu di Kuala Lumpur selama dua hari bermula pada 29 September tahun ini.

Beliau berkata perbincangan itu akan menyertakan sektor swasta dan ahli akademik bertujuan membolehkan pihak-pihak tersebut menyertai perbincangan mengenai isu-isu yang akan dimasukkan dalam CEP.

"Hanya selepas proses mendapatkan sektor swasta dan ahli akademik terlibat selesai barulah kedua-dua negara memulakan rundingan lebih lanjut di peringkat pegawai kanan sebelum CEP dimeterai," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat CEP, di sini, hari ini.

"Setakat ini, kami tidak dapat menentukan selama mana rundingan akan berlangsung. Sekiranya kami mengambil contoh proses Japan-Singapura, ia mengambil masa dua tahun," katanya apabila ditanya bila perjanjian akan dimeterai.

Fuzi berkata rundingan sebenar antara kedua-dua pihak untuk merumuskan CEP akan berlaku apabila ianya telah dipersetujui bersama.

Ini merupakan susulan daripada mesyuarat pertama yang diadakan di Tokyo, Jepun daripada 8 hingga 9 Mei tahun ini.

Rombongan dari Jepun seramai 27 anggota itu diketuai oleh Timbalan Menteri Luar Jepun Ichiro Fujisaki, manakala rombongan Malaysia dengan 53 anggota diketuai oleh Fuzi.

Mesyuarat selama dua hari itu disertai oleh perwakilan daripada kementerian berkaitan dan agensi kerajaan dari kedua-dua pihak.

CEP diilhamkan oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi awal tahun lalu dan disokong oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fuzi berkata kedua-dua pihak berkongsi pandangan bahawa CEP perlu saling memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Justeru, mereka bersetuju mempercepatkan proses ke arah merealisasikan dan bersependapat bahawa kemajuan ketara telah dicapai dalam proses perundingan.

Kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu merangkumi liberalisasi, promosi dan pemudahan perdagangan dan pelaburan.

Ianya termasuklah perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan, peraturan asal, pergerakan orang semulajadi, pemerolehan kerajaan, prosedur kastam, dagangan tanpa kertas, standard dan penyelarasn, harta intelektual, dasar persaingan dan suasana perniagaan.

Kedua-dua pihak juga membincangkan kerjasama lain untuk dipertimbang dimasukkan dalam CEP.

Ini termasuklah pendidikan, sains dan teknologi, pembangunan sumber manusia, kerjasama kewangan, pertanian, komoditi utama, perhutanan, galian, teknologi komunikasi dan maklumat, perusahaan kecil dan sederhana, penyiaran, pelancongan, pengangkutan, kesihatan dan penyelidikan serta pembangunan. -- BERNAMA

NH MR ZK